



**The Smarter & Effective Learning Approach**

@

Pusat Tuisyen Didikan Genius

Program Bahasa Malaysia Sekolah Menengah

Komsas Tingkatan 5

Analisis Novel

Silir Daksina

Fokus SPM

Nama : \_\_\_\_\_



## Fokus Novel Tingkatan 5 – Silir Daksina

### Fokus 1

Novel yang saya kaji ialah Silir Daksina, Karya Nizar Parman. Terdapat **dua peristiwa yang dapat dijadikan panduan hidup**.

Peristiwa pertama ialah Ong See Hwa menyerahkan manuskrip kepada Haiqal.(Bab 12, Hal.220). Hal ini menunjukkan sifat tanggungjawab Ong See Hwa melaksanakan amanah patut dijadikan panduan hidup kita.

**Peristiwa kedua** ialah Tauke Lim menyerahkan semua harta yang diamanahkan oleh Abdullah Kayan kepada Haiqal Haqimi seperti hasil jualan kelapa sawit dan wang simpanan ayah Haiqal. (Bab 11, Hal. 191). Sikap tanggungjawab dan amanah yang terdapat dalam diri Tauke Lim perlu dijadikan sebagai panduan hidup.

### Fokus 2

Novel yang telah saya kaji dalam Tingkatan 5 ialah novel Silir Daksina, karya Nizar Parman. Terdapat banyak cabaran yang dihadapi oleh watak utama dalam novel ini. Watak utama dalam novel ini ialah Haiqal.

**Cabaran pertama yang dihadapi oleh Haiqal** ialah cabaran umi Haiqal yang tidak mengizinkan Haiqal ke kampung halaman arwah ayahnya, Abdullah bin Kayan. (Bab 6, Hal.122). Umi bertengkar dengan Haiqal dan mengatakan bahawa dia tidak akan memberikan wang kepadanya untuk menampung perbelanjaan sekiranya dia bertekad ke kampung arwah ayahnya. (Bab 6, Hal. 125) Namun, hasrat Haiqal direstui oleh walidnya yang memahami perasaan Haiqal. Walid berjanji untuk menampung perbelanjaan Haiqal sepanjang dia berada di Kampung Seri Purnama, Johor. (Bab 6, Hal.127) Akhirnya, hubungan Haiqal dengan umi dipulihkan semasa umi, Walid dan adik tirinya, Nurul Asiyah hadir ke balai raya Kampung Seri Purnama untuk melihat Haiqal menari tarian zapin. (Bab 15, Hal.271).

**Cabaran kedua yang dihadapi oleh Haiqal** ialah cabaran Haiqal ingin mempertahankan seni tarian zapin dengan menghidupkan kumpulan zapin D'Purnama semula. **Perkara ini mencabarkan kerana** sudah terlalu lama aktiviti tarian zapin dihentikan. (Bab 12, Hal.218) Haiqal bercadang untuk mengadakan persembahan tarian zapin kepada Pak

Cik Bakar tetapi bimbang akan jumlah penari zapin tidak mencukupi. (Bab 12, Hal. 223) Persembahan tarian zapin berjaya diadakan dengan sokongan ahli kumpulan tarian zapin. Haiqal juga belajar tarian zapin daripada Pak Cik Bakar, Haji Selamat, Wak Parmin, Abang Ramlan, dan Wak Seman dengan bersungguh-sungguh. (Bab 14, Hal. 249) Pada malam persembahan, persembahan zapin D'Purnama berjalan dengan lancarnya sehingga YB Datuk Sayiful Azizi begitu terpesona melihat kelembutan gerak tari Haiqal dan See Hwa yang menari berpasangan. (Bab 15, Hal. 271)

### Fokus 3

Novel yang telah saya kaji ialah SilirDaksina, karya Nizar Parman. Dalam novel ini terdapat beberapa peristiwa yang menyentuh perasaan simpati pembaca.

**Peristiwa pertama** ialah Haiqal tidak dibenarkan oleh Umi untuk melihat jenazah ayahnya di Kampung Seri Purnama buat kali terakhir. [Bab5, Hal.111). Kekecewaannya untuk menatap wajah jenazah ayahnya tujuh tahun lalu.Umi tidak membenarkan dia menziarahi jenazah ayahnya dengan alasan Haikal sedang menduduki peperiksaan UPSR. **Pembaca berasa simpati** kerana seorang anak tidak pernah berjumpa ayah kandungnya sejak kecil sehinggalah ayahnya meninggal dunia.

**Peristiwa kedua** pula ialah Haiqal menziarahi pusara ayahnya dan membaca Surah Yassin dalam keadaan sebak [Bab10, Hal.170). **Peristiwa ini menyentuh simpati pembaca kerana** seorang anak tidak dapat berjumpa dengan ayah kandungnya semasa hidup. Haiqal diselubungi rasa sebak mengenangkan arwah ayahnya.

### Fokus 4

Novel yang telah saya kaji ialah Silir Daksina yang dikarang oleh Nizar Parman. **Terdapat tiga peristiwa yang menunjukkan kegembiraan** dalam novel tersebut.

**Peristiwa pertama** ialah Haiqal mengusik kawannya Ratna dengan mengatakan dia ingin makan percuma jika Ratna memiliki restoran sendiri (bab 2 hal 11). **Peristiwa ini mendatangkan keriang** bagi Ratna dan Haikal yang telah lama berkawan dan saling mengambil tahu antara satu sama lain.

**Peristiwa kedua** ialah Tauke Lim memberitahu 'Aku' bahawa dia akan membelanja semua tetamu semasa persembahan zapin jincat D'Purnama di hadapan Menteri Besar dan orang-orang kenamaan. (Bab 3, hal49) **Peristiwa ini mendatangkan kegembiraan** bagi semua ahli-ahli kumpulan zapin yang sedang membuat persiapan untuk menyuburkan kembali kesenian zapin di kampung mereka.

**Peristiwa ketiga** ialah Ai Ling , telah menang pertandingan mendeklamasikan sajak hasil bimbingan 'aku'. (Bab 3 hal62) **Peristiwa ini menimbulkan kegembiraan** terutama bagi Tauke Lim sehingga sanggup membelanja orang-orang di warung Abang Dollah .

## **Fokus 5**

Novel yang telah saya kaji ialah novel Silir Daksina yang dikarang oleh Nizar Parman. **Terdapat dua peristiwa yang menunjukkan kesedihan** dalam novel ini.

**Peristiwa sedih yang pertama** ialah Haiqal diberitahu oleh ibunya rahsia tentang Wahid yang selama ini tinggal bersama bukan bapa kandungnya pada usianya enam tahun (Bab 1, Hal. 5). **Peristiwa ini amat menyedihkan kerana** Haiqal tidak mengetahui bapa kandungnya selama ini dan hanya boleh menggumpalkan tekad dalam hatinya untuk mencari ayah kandungnya, Abdullah Kayan apabila sampai masanya nanti.

**Peristiwa sedih yang kedua** ialah Haiqal tidak dibenarkan oleh Umi untuk menatap wajah ayah kandungnya buat kali terakhir kerana sedang menduduki peperiksaan UPSR (Bab 5, Hal. 112). **Peristiwa ini amat menyedihkan kerana** Haiqah tidak berpeluang untuk memberikan penghormatan paling akhir yang tidak akan terulang sampai bila-bila kepada ayah kandungnya.

## Fokus 6

Novel yang saya kaji ialah Silir Daksinar yang dikarang Nizar Parman. Terdapat dua peristiwa yang menunjukkan **kebijaksanaan watak utama** novel ini.

**Peristiwa pertama** ialah Haiqal atau Aiman bertekad untuk pergi ke kampung arwah ayahnya setelah menerima manuskrip daripada sahabat arwah ayahnya biarpun tidak dibenarkan ibunya (Bab 6, Hal.120). **Peristiwa ini menunjukkan kebijaksanaan yang ada pada Haiqal** bijaksana untuk menyelesaikan konflik yang timbul dengan ibunya setelah Haiqal menyuarakan hasratnya untuk ke kampung halaman ayahnya.

**Peristiwa kedua** pula ialah Haiqal bersama-sama penduduk kampung menganjurkan persembahan zapin di Kampung Purnama (Bab 15, Hal. 245). **Peristiwa ini menunjukkan kebijaksanaan yang ada pada Haiqal** untuk menunaikan hasrat arwah ayahnya selain meredakan dendam umi terhadap ayah.

## Fokus 7

Novel yang saya kaji ialah Silir Daksina yang dikarang oleh Nizar Parman. Terdapat **dua peristiwa yang menyentuh perasaan pembaca** dalam novel ini.

**Peristiwa yang pertama** ialah Haiqal benar-benar nekad untuk pulang ke kampung halaman ayahnya (Bab 6, Hal. 114). **Peristiwa ini menyentuh perasaan pembaca kerana** Haiqal sanggup menjejaki kenangan yang ditinggalkan oleh arwah ayahnya di Batu Pahat dengan menaiki bas ekspres dari Kuala Terengganu.

**Peristiwa yang kedua** pula ialah kehadiran umi, walid dan adik tirinya ke Kampung Seri Purnama untuk menyaksikan persembahan tarian zapin (Bab 15, Hal. 271). **Peristiwa ini menyentuh perasaan pembaca kerana** kehadiran ibunya menjadi petanda bahawa beliau merestui pelibatan Haiqal untuk meneruskan perjuangan ayahnya ke arah memartabatkan tarian zapin.

## Fokus 8

Novel yang saya kaji ialah Silir Daksina yang dikaryakan oleh Nizar Parman. Terdapat **dua peristiwa yang menunjukkan kritikan pengarang kepada masyarakat** dalam novel ini.

**Kritikan yang pertama** ialah **pengarang mengkritik masyarakat yang tidak mengenang budi**. Peristiwa tentang ibu Haiqal tidak mengizinkan Haiqal pergi ke Johor untuk menunaikan tanggungjawabnya sebagai seorang anak. (Bab 6, Ha1.120) Perkara ini secara tidak langsung mendorong kita untuk menjadi insan yang tahu mengenang budi orang tua kita walaupun mereka telah meninggal dunia.

**Kritikan yang kedua** ialah **pengarang mengkritik masyarakat yang tidak mempunyai nilai kasih sayang**. Peristiwa tentang ibu Haiqal tidak memberikan bantuan kewangan kepada Haiqal yang ingin pergi ke kampung arwah ayahnya (Bab 6, Hal. 125) Tindakan beliau sebenarnya telah menunjukkan ketiadaan kasih sayang seseorang ibu terhadap anak.

## Fokus 9

Novel yang telah saya kaji ialah novel Silir Daksina, karya Nizar Parman. Terdapat **beberapa konflik yang dihadapi oleh watak utamanya**, iaitu Haiqal.

**Konflik pertama yang dihadapinya** ialah ibu Haiqal, iaitu Rafiqah yang tidak membenarkan dia balik ke kampung halaman ayahnya, Abdullah bin Kayan walaupun dia telah banyak kali menyatakan hasrat ini kepada ibunya [Bab 6, Hal. 120]. Cara penyelesaiannya ialah dia memberitahu ibunya bahawa dia akan pulang ke Johor dan dia mendapat sokongan dan bantuan kewangan daripada walidnya.

**Konflik kedua yang dihadapi oleh Haiqal** ialah dia terpaksa mencari penari zapin yang lain kerana seorang daripada ahli kumpulan zapin D'Pernama, iaitu Lazim mengalami

kemalangan jalan raya [Bab 15, Hal. 264]. Cara dia menyelesaikan konflik ini ialah dia meminta bantuan daripada Ong See Hwa, anak Tauke Ong sebagai pengganti.

### **Fokus 10**

Novel yang saya kaji semasa dalam Tingkatan 5 ialah Silir Daksina, hasil karya Nizar Parman. Banyak terdapat **peristiwa yang memberikan kesedaran kepada pembaca** dalam novel ini.

**Peristiwa pertama** ialah Tauke Lim menyerahkan segala harta yang diamanahkan oleh Abdullah Kayan kepada Haqial Hakimi seperti buku bank dan segala urusan tanah pertanian. (Bab 8, Hal 156). **Peristiwa ini membawa kesedaran kepada pembaca supaya** bertanggungjawab dan amanah dalam melaksanakan tugas yang diberikan.

**Peristiwa kedua** ialah Cikgu Amirulnizam telah menumpangkan anak-anak Tauke Lim iaitu Ai Ling dan Ai Ching untuk pergi ke sekolah kerana bateri kereta Tauke Lim lemah. (Bab 3, Hal30). **Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar** membantu orang yang mengalami kesulitan.


Program Bahasa Melayu Edubest







## Pelan Lokasi



**The Smarter & Effective Learning Approach**

@

Pusat Tuisyen Didikan Genius

No.2-1, Jalan 4/109E, Desa Business Centre, Taman Desa, 58100 Kuala Lumpur.

Tel: 03-7983 7650

<http://www.edubest.com.my>